



## Peguam jaga kata-kata, usah emosi elak rugi diri

[Prof Madya Dr Duryana Mohamed](#) - Ogos 12, 2021 @ 10:31am

[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



gambar hiasan

Pengetahuan undang-undang dan kebijaksanaan menjadi ramuan penting kepada peguam dalam menuntut keadilan dan mempertahankan hak pihak teraniaya.

Namun, ada kalanya peguam terlupa janji menjaga maruah, menghormati mahkamah dan hakim serta melindungi hak anak guam dan masyarakat dengan penuh tanggungjawab dan integriti hingga menyebabkan salah laku.

Salah laku bukan sahaja bertentangan undang-undang, bahkan etika guaman. Antara undang-undang mengawal tindakan peguam, Akta Profesion Undang-Undang 1976 (APU), Peraturan Majlis Peguam dan Kaedah Profesion Undang-Undang (Praktis dan Etika) 1978.

Contoh salah laku adalah menyalahgunakan wang anak guam, pecah amanah, cuai atau gagal memberi nasihat perundangan dengan betul, selain menggunakan pihak ketiga untuk mendapatkan anak guam baharu.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Hakim tiada integriti tempangkan sistem keadilan**
- **Majlis Peguam kekal ketetapan larang bekas hakim**
- **Kes qazaf: Rayuan Anwar Ibrahim ditolak**
- **Ismail Omar diterima masuk Peguambela, Peguamcara**

Kajian di Victoria, Australia seperti dilaporkan International Journal of the Legal Profession, April tahun lalu, mendapati antara sebab kewujudan peguam bermasalah ialah lebihan kerja, tekanan disebabkan hubungan bermasalah, kematian atau kesakitan dalam keluarga dan masalah kewangan.

Kes penghinaan terhadap mahkamah pula disebabkan faktor seperti gagal mengawal emosi atau peguam terbabit berasakan tindakannya benar di sisi undang-undang, tetapi dianggap sebaliknya.

Harus diingatkan setiap perjuangan mestilah mengikut landasan betul dan tidak menggugat kepercayaan masyarakat terhadap kredibiliti mahkamah serta hakim, sekali gus tidak mengganggu sistem pentadbiran dan keadilan negara.

Di negara ini, laporan mengenai kes salah laku peguam dibuat kepada Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara (LTPP). Jika Jawatan Kuasa Disiplin dan Tatatertib berpuas hati dengan laporan terbabit, peguam akan dikenakan penalti mengikut seksyen 94 (2) APU 1976, iaitu sama ada diberi amaran atau perintah celaan, denda (maksimum RM50,000), digantung tugas sementara atau hingga satu tarikh tertentu (maksimum lima tahun) atau dikeluarkan daripada rekod atau Daftarai Peguambela dan Peguamcara disimpan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Dalam kes tertentu, peguam terbabit akan diperintahkan memulangkan wang anak guam jika masih memegangnya. Alternatifnya, pihak terkesan boleh memfailkan saman sivil terhadap peguam terbabit untuk menuntut ganti rugi atau injunksi, selain membuat laporan polis.

Peguam dibuang daripada rekod, dibenarkan membuat rayuan di mahkamah. Namun, mahkamah berhak menolak rayuan untuk kembali berkhidmat jika perayu gagal membuktikan dalam affidavit sokongan bahawa sudah insaf dan tidak akan mengulanginya.

Walaupun rayuan dibuat selepas beberapa tahun, ia tidak menjamin individu terbabit dapat kembali bertugas kerana faktor masa tidak diambil kira mahkamah.

Pelanggaran etika dipandang serius oleh Badan Peguam Malaysia (BPM) dan Majlis Peguam Malaysia (Majlis Peguam). Apabila timbul isu pelanggaran etika, BPM akan segera mengeluarkan kenyataan mengingatkan tugas dan tanggungjawab peguam.

Majlis Peguam boleh bertindak sebagai perayu atau pencelah jika tidak berpuas hati keputusan Jawatan Kuasa Disiplin dan Tatatertib atau mahkamah. Ini bertujuan untuk memastikan peguam terbabit mendapat hukuman setimpal dengan kesalahan dilakukan.

Setiap peguam perlu sentiasa bertanggungjawab dan mengawal diri serta emosi, sekali gus mengelakkan tindakan atau kata-kata yang bukan sahaja merugikan diri, bahkan menggugat kepercayaan masyarakat.






### **Pensyarah Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**

Disyorkan untuk anda

Recommended by

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 8m  **Google, Facebook mulakan projek kabel data dasar laut di Asia**
- 31m  **Mencari 'Maradona' 1981**
- 38m  **Dunia mesti tentang ancaman 'pengganas' di Afghanistan - PBB**
- 57m  **Anggota keselamatan cetus kluster baharu di Sabah**
- 1h  **Lukaku yakin dia kini 'lebih lengkap'**